

TALKING POINT

**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN - NAIB
CANSELOR**

**SEMPENA PERJUMPAAN MINGGUAN DAN MAJLIS
PENYERAHAN SIMBOLIK BAUCER BUKU**

MULTIPURPOSE COURT * 10 JANUARI 2012

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Bhg. Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP

Yang Bhg. Prof Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP

Yang Berusaha En Zuber Haji Mohamad, Timbalan Pendaftar UniMAP

Yang Berusaha Puan Saodah Hasan, Bendahari UniMAP

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan UniMAP.

Yang Berusaha En. Razli Ahmad, Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar

Dekan-dekan dan Ketua-Ketua Jabatan,

Warga UniMAP, wakil-wakil media seterusnya hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao.

Syukur ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayahnya dapat kita bersama pada pagi ini – perjumpaan pertama bersama saya dan Pengurusan Tertinggi UniMAP untuk tahun 2012 ini. Jika pada tahun lalu, kita menutup tirai perjumpaan dengan pelbagai cerita manis dan kejayaan yang diraih oleh UniMAP, besarlah harapan saya untuk melihat permulaan tahun baru ini menjanjikan prospek cerah buat kita semua. Insya Allah. Marilah kita menadah tangan dan berdoa semoga Allah SWT terus melimpahkan rahmat dan barakahnya untuk kita harungi perjalanan tahun ini.

Ladies and gentlemen,

I hope it is not too late to wish all of you Happy New Year! Every year is a new beginning for us and every year brings new opportunities. Last year has been a great year for us. This coming

year then, let us look forward to a brighter future. Let us continue to **explore the heavens and the earth** around us, for knowledge is indeed power. As always, let us continue **to strive, to grow, to explore, to live and to learn**. It is my wish to continue to lead you as best as I can, and I hope we shall continue to build a greater future for all of us here in UniMAP!

Hadirin dan hadirat sekalian,

UniMAP telah membuka tirai tahun 2012 dengan penganjuran Promosi Gegar UniMAP di Melaka Bandaraya Bersejarah pada 6 hingga 8 Januari lalu yang mana ia adalah langkah terbaik dalam memperkenalkan UniMAP kepada warga Melaka.

Sepanjang tempoh promosi tersebut, UniMAP turut mempamerkan sebilangan produk dan hasil penyelidikan yang telah meraih pelbagai anugerah di peringkat tempatan dan antarabangsa untuk memberi peluang masyarakat Melaka melihat secara langsung hasil idea dan kecemerlangan UniMAP.

Selain pameran dan promosi turut diadakan ialah majlis memeterai kerjasama strategik dengan enam buah agensi dan syarikat industri serta korporat.

Enam industri dan agensi tersebut adalah Kosmo Biotechnology Sdn Bhd, , Persatuan Pengamal Keselamatan dan Kesihatan

Pekerjaan Wilayah Utara, Sri Jentayu Sdn Bhd, Sirim Berhad, Mechanical Training Solution Sdn Bhd dan Ergoworks Sdn Bhd.

Meneruskan agenda untuk tahun 2012 ini pastinya Pameran Penyelidikan dan Eksspo Rekacipta UniMAP yang akan berlangsung esok di Kampus Tetap UniMAP di Pauh Putra.

Saya dimaklumkan, sebanyak 352 produk penyelidikan akan dipertandingkan tahun ini dengan peningkatan 100 produk berbanding pada tahun lalu. Semoga dengan pertambahan bilangan produk yang dipertandingkan ini akan meningkatkan lagi pencapaian yang diraih oleh UniMAP dalam bidang penyelidikan. Besarlah harapan saya agar produk-produk yang dipertandingkan pada tahun ini bukan sekadar meningkat dari aspek kuantiti tetapi turut menonjolkan peningkatan dari aspek kualiti.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Tahun ini bakal mencipta pelbagai sejarah dan cerita manis, sementelah universiti yang kita sayangi ini bakal menyambut perayaan sedekad UniMAP.

Pelbagai pengalaman telah kita lalui sepanjang 10 tahun ini dan syukur saya panjatkan ke hadhrat Allah daripada tiada langsung, kini UniMAP tersergam indah di merata tempat di Perlis, malah kehadirannya turut dirasai di Kuala Lumpur dan Kulim.

Bukan setakat bangunan fizikal menandakan kewujudan Universiti yang kita cintai ini, malah adanya UniMAP dirasai dalam segenap urusan-urusan utamanya – iaitu pembelajaran-pengajaran, penyelidikan, pembangunan insan, khidmat masyarakat, dan pentadbiran.

Dan sebagai merayakan sambutan 10 tahun ini, pelbagai program telah direncanakan sepanjang tahun. Justeru, saya amat mengharapkan komitmen dan kerjasama jitu dari semua pihak untuk meneruskan usaha memartabatkan nama UniMAP di persada Antarabangsa.

Kita semua membawa nama UniMAP. Sebagai seorang warga UniMAP anda mempunyai amanah dan tanggungjawab tersendiri. Maka laksanakanlah tugas dan tanggungjawab itu dengan sebaik mungkin dan niatlah setiap tugas yang dilakukan itu ikhlas kerana Allah SWT.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Hari ini juga, UniMAP sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam, akan mula mengedarkan baucer buku bernilai RM200 sebagaimana yang diumumkan oleh kerajaan ketika Pembentangan Bajet 2012 yang lalu. Ianya akan memberi manfaat kepada semua

pelajar tempatan yang berdaftar di peringkat matrikulasi/asasi, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ph.D.

Sebagaimana yang ditekankan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi, baucer ini hanyalah untuk pembelian buku teks dan buku rujukan ilmiah sahaja dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai.

Dan di UniMAP sendiri, seramai 7,184 pelajar berdaftar dan aktif telah dikenalpasti layak menerima pemberian baucer ini. Edaran adalah melalui pusat pengajian masing-masing dan saya amat mengharapkan pelajar akan memanfaatkan baucer ini dengan sebaik mungkin. Gunakanlah ia untuk membeli bahan-bahan rujukan bagi keperluan pembelajaran anda.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebelum mengundur diri saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang hadir memberikan sokongan untuk perjumpaan pertama kita pada pagi ini. Marilah kita mananam tekad untuk bersama-sama bekerja keras sepanjang tahun 2012 ini untuk menghasilkan idea-idea berasa yang dapat memacu UniMAP ke aras yang lebih tinggi.

Akhir kata, marilah kita berdoa ke hadrat Allah SWT agar usaha kita diberkati Nya, dan dibalas Nya dengan kejayaan UniMAP di persada negara dan antarabangsa.

**Sedekad gemilang kilauan berpanjangan
Utuh berdiri gedung pengetahuan,
UniMAP mendaki puncak kegemilangan,
Moga berterusan sinar kecemerlangan.**

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.